

NO. SOALAN: 147

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGGAI SIPUT]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada bukti penyelesaian isu perkahwinan yang telah diwujudkan di bawah undang-undang sivil akan dijadikan salah satu syarat untuk seseorang yang ingin memeluk agama Islam.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri, tiada apa-apa syarat yang perlu dipatuhi sebelum seseorang itu memeluk agama Islam. Misalnya seperti peruntukkan

dalam Seksyen 85, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Namun begitu, Kerajaan menyedari timbulnya pertikaian apabila salah seorang daripada pasangan bukan Islam memeluk agama Islam. Oleh itu, Kerajaan sedang mencari mekanisma terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut, dengan mengambil kira kedudukan kedua-kedua mahkamah sivil dan Syariah.

Sekian, terima kasih.